

06/09/1997

Perhimpunan gugur `Baru'

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau Umno Baru mulai hari ini hanya disebut sebagai Umno selepas perhimpunan agung khas sebulat suara meluluskan usul pindaan perlembagaan untuk memansuhkan perkataan `Baru', petang ini.

Umno diharamkan oleh mahkamah pada 1987 selepas berlaku perebutan pucuk pimpinan yang membabitkan dua kumpulan yang masing-masing menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir kemudian menubuhkan semula parti itu dengan nama Umno (Baru) sehingga dipinda dengan persetujuan 1,905 perwakilan hari ini.

Usul pindaan Fasal 1.Nama itu dibentang oleh Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan disokong oleh Jamaluddin Selamat dari Umno Bahagian Wangsa Maju, Wilayah Persekutuan.

Usul itu berbunyi: "Bahawasanya Perhimpunan Agung Khas Umno yang bersidang pada hari ini, 5 haribulan September 1997 (Jumaat) mencadangkan perkataan `Baru' pada Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (Baru) atau Umno (United Malays National Organisation) dimansuhkan. Dengan itu nama yang diterima pakai bagi pertubuhan ini ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu atau Umno (United Malays National Organisation)."

(END)